

# Kedah, Sabah perketat saringan di pintu masuk

**Kuala Lumpur:** Kedah dan Sabah mengambil langkah berjaga-jaga berikutan penularan kes coronavirus.

Di Alor Setar, EXCO Kesihatan, Pembangunan Luar Bandar, Agama dan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri, Datuk Dr Ismail Salleh, berkata kerajaan negeri mengambil langkah berjaga-jaga di pintu sempadan Malaysia-Thailand berikutan laporan penularan coronavirus di negara gajah putih itu.

Katanya, ia termasuk melakukan pemeriksaan rapi (imbasan suhu badan) terhadap pengunjung yang memasuki negeri ini melalui Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam.

“Apabila kita diberitahu mengenai penularan virus, kakitangan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) yang bertugas di pintu sempadan akan lebih berjaga-jaga, kita mungkin akan kurangkan suhu saringan kepada 36 Celsius. Suhu badan manusia akan menurun apabila berada di tempat penghawa dingin, kita tidak mahu terlepas pandang individu yang berisiko.

“Jika individu dikesan ada tanda-tanda demam maka dia akan menjalani pemeriksaan lanjut dan jika didapati demam dia akan dikuarantin.

“Pegawai kesihatan bertugas akan membuat ujian dan siasatan terperinci. Kita akan tanya sudah

berapa hari dia demam, batuk, dari mana dia datang, dia pernah pergi mana dan sebagainya,” katanya ketika ditemui di Wisma Darul Aman di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Dr Ismail berkata, pihaknya akan menambah kakitangan dan pegawai perubatan di ICQS sekiranya terdapat penambahan kes demam semasa saringan di kompleks berkenaan.

Kelmarin, Thailand mengesan empat kes coronavirus termasuk seorang wanita warga tempatan.

DI Kota Kinabalu, Menteri Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat Sabah, Datuk Frankie Poon Ming Fung berkata, pengawasan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota

Kinabalu (KKIA), ditingkatkan.

Katanya, langkah berjaga-jaga itu termasuk membuat ujian saringan kepada semua penumpang terutamanya membabitkan pernambangan antarabangsa.

“Pada masa ini, tiada kes coronavirus dilaporkan di Sabah. Orang ramai dinasihatkan tidak panik tetapi perlu berhati-hati dan mengamalkan langkah pencegahan dalam kehidupan sehari-hari seperti memakai topeng muka, mencuci tangan secara kerap dan elakkan daripada kawasan yang sesak,” katanya dalam kenyataan semalam.

Jabatan Kesihatan Negeri meletakkan *Thermal Scanner* di KKIA dan pengasingan segera

akan dilakukan sekiranya terdapat penumpang yang berada dalam keadaan mencurigakan.

Sementara itu, berikutnya perayaan Tahun Baharu Cina tidak lama lagi, kerajaan negeri menjangkakan ramai penduduk tempatan kembali untuk meraikan sambutan itu dari luar negara termasuklah kemasukan pelancong China ke Sabah.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia, Datuk Paddy Abd Halim, berkata pihaknya akan membantu saringan pelancong asing.

---

**China kuarantin dua bandar. Muka 40**